

**KERTAS SOALAN
PRAKTIS BESTARI
SET 2**

**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ)
NEGERI PAHANG
TAHUN 2014**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak

BAHAGIAN A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan Internet**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan.

1. Perpaduan dan keamanan yang dinikmati pada hari ini perlu dihargai oleh setiap rakyat Malaysia.

Huraikan tanggungjawab anda untuk memastikan perpaduan dan keamanan negara ini terus terpelihara.

2. Amalan komunikasi berkesan mampu membentuk anak-anak menjadi insan berguna.

Jelaskan teknik-teknik komunikasi berkesan yang wajar dipraktikkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak di rumah.

3. Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sungai masih pada tahap yang rendah.

Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Memelihara Kebersihan Sungai Tanggungjawab Bersama'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Negara-negara dunia berusaha memajukan industri pelancongan kesihatan masing-masing.

Bincangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh negara-negara terbabit dalam memajukan industri pelancongan kesihatan.

5. *Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.*

Ungkapan di atas bermaksud perkara yang baik dijadikan panduan manakala perkara yang buruk dijadikan garis pemisah dalam melakukan sesuatu perkara.

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan maksud ungkapan tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT